



## “TANGGUNGJAWAB DAKWAH UMAT ISLAM KEPADA MUALLAF”

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ. قَالَ اللَّهُ



تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala yang diperintahkan oleh-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada kali ini adalah "**Tanggungjawab Dakwah Umat Islam Kepada Muallaf**".

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Apabila seseorang itu mengucap dua kalimah syahadah, secara langsung ia telah memeluk agama Islam dan menjadi tanggungjawab kita mengasihi dan memberi tunjuk ajar kepada saudara seislam kita khususnya golongan muallaf.

Nabi Muhammad s.a.w bersabda;

الْمُسْلِمُ أَخْوٌ الْمُسْلِمِ لَا يُظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ.



"Seseorang muskim adalah bersaudara bagi muslim yang lain. Maka ia tidak akan menzalimi dan membiarkannya (menderita)".

(Riwayat al-Bukhari)

Allah SWT juga menggambarkan bahawa setiap orang Islam itu bersaudara antara satu sama lain, yang mana asas persaudaraan itu bukan sekadar dari hubungan tali persaudaraan keluarga atau satu bangsa, tetapi disatukan dengan tingkatang aqidah dalam Islam, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاصْلِحُوهُ أَبْيَنْ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

"Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat".

Ayat ini menggambarkan kepada kita bahawa umat Islam mendapat pengiktirafan daripada Allah SWT sebagai saudara seagama dan banyak hak-hak yang perlu dipelihara bersama-sama. Justeru, bagi melaksanakan tugasan dakwah kepada muallaf, sudah pasti kita tidak dapat lari daripada kaedah yang telah digariskan oleh Allah SWT, iaitu dengan cara berhikmah (bijaksana) dan nasihat pengajaran yang baik.

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pelaksanaan dakwah muallaf perlu dimainkan oleh semua pihak. Ia bukanlah tugas yang dipikul oleh agensi atau individu tertentu sahaja. Ia



menjadi tanggungjawab kita bersama, sama ada NGO, masjid, surau, rakan sekerja, pasangan hidup, ahli keluarga dan pemimpin masyarakat. Sifat peka dan mengambil berat akan kebajikan muallaf perlu dipupuk di kalangan kita semua, memandangkan ada sebahagian daripada muallaf yang disishkan oleh keluarga kandung apabila mengambil keputusan untuk kembali kepada fitrah semula jadi kita iaitu Islam. Ada juga yang kehilangankekayaan dan harta benda, bahkan lebih dahsyat daripada itu ada juga yang menghadapi ancaman dan kecaman. Maka kita perlu memperlihatkan keindahan Islam itu dengan menyediakan perlindungan dan bantuan yang sewajarnya kepada mereka.

Masjid dan surau sebagai institusi utama dalam masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam tugasan dakwah ini. Dakwah yang sebelum ini banyak menjurus kepada orang awam perlu diperluaskan skopnya kepada muallaf agar mereka tidak merasa tersisih dalam masyarakat Islam sekaligus membuktikan peranan sebenar masjid dan surau. Bahkan ada di antara masjid-masjid yang telah aktif dalam melaksanakan usaha dakwah ini dengan mewujudkan Biro Muallaf atau Biro Dakwah dan Muallaf bagi menjayakan usaha murni ini. Sebagai wahana transformasi kepada masyarakat setempat, masjidlah tempat yang paling sesuai dijadikan pusat sehenti terhadap pelbagai aktiviti agama, dakwah dan kemasyarakatan.

Beginu juga dengan NGO muslim yang ada, perlu bergerak aktif dalam melaksanakan dakwah ini dengan melaksanakan program dan kativiti bagi membina kesedaran dan penghayatan muallaf terhadap Islam. Kepakaran-kepakaran tertentu seperti bahasa, budaya dan pengalaman tertentu dalam Badan Bukan Kerajaan (NGO) hendaklah dikongsi bersama muallaf. Ini penting bagi memudahkan mereka menerima



maklumat dengan jelas dan mudah difahami apabila orang yang berdakwah dan memberikan tunjuk ajar itu datang daripada bangsa mereka sendiri dan bertutur dengan menggunakan bahasa mereka.

Rakan sekerja dan masyarakat setempat juga tidak terlepas daripada melaksanakan tanggungjawab dakwah kepada muallaf. Mereka perlu lebih terbuka untuk berhadapan dengan muallaf tanpa menyindir-nyindir atau menyungkirkan mereka. Ini penting agar muallaf tidak lagi rasa terpinggir, rasa tersisih dan pelik melihat sikap orang Islam itu sendiri. Dengan wujudnya sifat persaudaraan sesama muslim, maka kita dapat menghancurkan tembok pemisah asobiyyah jahiliyyah yang memandang Islam hanya untuk bangsa tertentu sahaja, sedangkan Islam adalah untuk semua bangsa, dan kita adalah kaum yang dipandang mulia dengan sebab Islam bukan sebab bangsa dan warna kulit.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sifat persaudaraan sesama muslim inilah yang harus kita pupuk dalam hidup bermasyarakat tanpa mengira bangsa, warna kulit mahupun paras rupa. Sekiranya saudara kita ditimpa musibah dan memerlukan pertolongan, maka hendaklah kita meringankan tulang membantunya. Mungkin pada masa hadapan giliran kita pula yang akan memerlukan bantuan mereka. Semangat persaudaraan sesama muslim terutamanya yang melibatkan muallaf di kawasan tempat tinggal kita, hendaklah kita bina atas dasar keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, bukannya kerana kekayaan, warna kulit, pengaruh dan atas sebab dunia semata-mata. Kerana hasil daripada keimanan inilah masyarakat Islam akan dipandang mulia dan persaudaraan sesama muslim dapat terjalin dengan kukuh.



Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud;

*"Perumpamaan orang-orang mukmin dalam berkasih saying, kecintaan dan lemah lembut mereka seperti satu badan. Apabila satu anggota badan mengadu sakit, maka seluruh anggota badan turut menanggung kesakitan dan sama-sama berjaga malam".*

*(Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Dakwah kepada muallaf juga perlu dilaksanakan oleh muallaf itu sendiri, dengan cara mendalami ilmu agama dan mengamalkannya. Ini penting bagi seseorang muallaf itu menunjukkan keindahan Islam kepada keluarganya yang bukan Islam. Perkara ini dapat dilaksanakan melalui pembelajaran dan penghayatan yang mendalam terhadap Islam. Justeru, apabila kita telah memilih Islam sebagai ad-Din atau cara hidup, maka hendaklah kita mempelajarinya dan mengamalkannya. Belajarlah di tempat-tempat yang telah disediakan oleh MAIS, JAIS, agensi agama, masjid, surau atau kelas-kelas pengajian fardhu ain yang disediakan.

Natijah daripada ilmu yang diamalkan inilah akan membawa hasil yang baik dan membina akhlak yang mulia. Dengan ini seseorang muallaf itu dapat menjadi contoh teladan yang baik dalam masyarakat dan keluarga mereka.

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud;

*"Orang yang paling baik di antaramu ialah orang yang paling baik akhlaknya".*

*(Riwayat Ahmad dan Abu Daud)*

Sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendaftaran, pengajaran dan penjagaan muallaf di Selangor,



pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga menyediakan bantuan pendidikan dan kebajikan kepada muallaf terutamanya dalam bidang pelajaran demi kebaikan dan masa depan muallaf itu sendiri. Manakala pihak masjid dan surau perlu mengesan muallaf yang belum lagi mendaftarkan pengislamannya, maka diseru untuk memklumkan perkara tersebut kepada pihak MAIS atau Pejabat Agama Islam Daerah untuk tindakan pendaftaran segera.

Masjid-masjid mestilah mengumpulkan mereka setiap minggu dan memberikan bimbingan fardhu ain dan melibatkan mereka dalam aktiviti agama dan kemasyarakatan di peringkat masjid.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَ إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا  
وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

*"Tidak ada seorang pun yang lebih baik perkataannya daripada seorang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata, "Sesungguhnya aku tergolong di kalangan orang Islam (yang patuh kepada Allah)".*

*(Fussilat : 33)*



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ。  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ。

أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَقُونَ。قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَةً  
عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيماً。



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَعْجِمَيْنَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ  
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ  
ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ  
عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.



اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ  
إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِيْ أَمْنٍ  
وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْأَكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.



Engkau bukakanlah hati umat Islam, khususnya di Negeri Selangor untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan di dalam Al-Quran. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin, sucikanlah harta dan jiwa mereka agar mereka hidup dalam keredhaan-Mu. Kau lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمَتِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.